

Lima institusi pengajian tinggi raikan majlis konvoikesyen

# Integriti teras reputasi universiti

KUALA LUMPUR - Reputasi universiti akan berada pada tahap tinggi jika berjaya mendidik, mengasuh, membimbing dan menghasilkan graduan yang berintegriti.

Canselor Universiti Malaya (UM), Sultan Nazrin Muizzadin Shah bertitah, integriti dan kepimpinan berintegriti amat penting dalam sesebuah organisasi dan negara kerana memiliki integriti yang tinggi adalah sebahagian daripada sifat ilmuwan.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Konvoikesyen UM ke-57 di Dewan Tunku Canselor di sini semalam. Seramai 4,867 graduan menerima ijazah pada istiadat konvoikesyen itu yang berluma semalam hingga 24 Oktober ini.

Di Putrajaya, Pemangku Raja Padhang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang juga merupakan Canselor Universiti Kuala Lumpur (Unikl) hadir pada majlis konvoikesyen universiti itu ke-14 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam.

Majlis konvoikesyen itu meraikan kejayaan 8,100 graduan Unikl yang memperoleh pengajian di peringkat sijil profesional, diploma, ijazah dan doktor falsafah.

Di Alor Setar, Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah, Sultanah Malilia Tengku Ariff berangkat pada Istiadat Pemasuhanan Canselor dan Konvoikesyen ke-19 Kolej Universiti Insaniah (Kuih) di Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Hamnah.

Di Kuala Nerus, Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang pada majlis konvoikesyen Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kesembilan semalam.

Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah yang juga Canselor UniSZA berkenan menyampaikan ijazah kehormat berkenaan kepada Mohamed Apandi, 67, atas sumbangan beliau dalam perkembangan perundangan dan kehakiman negara.

Sementara itu, pada majlis konvoikesyen Kolej Universiti Geomatika (KUG) ke-13 di Hotel Premiera, Jalan Tunku Abdul Rahman di sini semalam, seramai 1,037 graduan menerima sijil, diploma dan ijazah masing-masing yang disampaikan oleh Canselorinya, Tan Sri Zulhasnan Rafiqie.

Hadir sama Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

SULTANAH NUR  
ZAHIRAH menyampaikan  
Ijazah Kehormat Doktor  
Undang-Undang kepada  
Mohamed Apandi pada  
majlis konvoikesyen  
UniSZA kesembilan.



TERENGGANU